



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KOMITED MANFAAT PERUNTUKAN BELANJAWAN 2021 UNTUK TERUS MEMBANTU RAKYAT YANG TERKESAN DENGAN PANDEMIK COVID-19

Bertemakan **Teguh Kita, Menang Bersama**, Belanjawan 2021 yang dibentangkan baru-baru ini menunjukkan komitmen kerajaan untuk menstabilkan dan merapatkan jurang perbezaan kumpulan masyarakat dan pembangunan bandar serta luar bandar berdasarkan kepada kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi.

Kementerian Wilayah Persekutuan amat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberikan peruntukan iaitu sebanyak **RM956,777,000** pada tahun 2021. Ini sekali gus memperlihatkan komitmen tinggi Kerajaan Persekutuan untuk terus menyediakan infrastruktur berkualiti dan menyeluruh kepada rakyat dengan mengambil kira cabaran semasa dan keperluan masa depan. Melalui jumlah tersebut, KWP menerima sebanyak RM256,312,000 Peruntukan Mengurus dan RM700,465,000 Peruntukan Pembangunan.

Peruntukan yang disalurkan ini bakal memberi lebih ruang kepada KWP untuk menumpukan kepada usaha-usaha membantu warga Wilayah Persekutuan yang memerlukan terutamanya kepada mereka yang terjejas dengan Pandemik COVID-19.

RM256,312,000 PERUNTUKAN MENGURUS 2021

Peruntukan Mengurus bagi program Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar mendapat peruntukan sebanyak **RM148,884,400** yang memberi fokus kepada pembangunan tiga Wilayah Persekutuan termasuk Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) yang dikhatuskan untuk melaksanakan program-program rakyat di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Peruntukan ini juga adalah bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pengindahan bandaraya Kuala Lumpur, operasi penyelenggaraan bandaraya dan infrastuktur Putrajaya serta penyelenggaraan infrastruktur Pulau Labuan.

Peruntukan Mengurus Program Perancangan dan Pembangunan berjumlah **RM38,260,500** merangkumi perbelanjaan operasi penyelenggaraan *River of Live* (ROL) bagi kerja-kerja pengindahan dan pembersihan sungai, operasi Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu dan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan. Manakala, pelaksanaan Program-program Khusus dan *One Off* di bawah peruntukan mengurus ini juga termasuk perbelanjaan bagi penyelenggaraan bas Putrajaya, diskaun tambang feri Labuan dan SUKMA Johor berjumlah **RM16,000,000**.

RM700,465,000 PERUNTUKAN PEMBANGUNAN 2021

Bagi meningkatkan infrastruktur dan kemudahan awam di Wilayah Persekutuan, projek pembangunan dan kerja-kerja membaik pulih jalan-jalan dan jambatan-jambatan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diteruskan pelaksanaannya dengan melibatkan peruntukan sejumlah **RM152,000,100**.

Program Pembangunan Semula Kampung Bharu juga diteruskan dengan peruntukan awal sebanyak **RM1,000,100** bagi penyediaan dan naik taraf infra Kampong Bharu termasuklah pembinaan padang dan pusat rekreasi Kg. Pindah.

Di bawah Peruntukan Pembangunan 2021, Projek ROL, Sewerage Non-River dan Baik Pulih Sungai telah diperuntukkan sebanyak **RM418,954,800**.

Kementerian ini juga telah mendapatkan peruntukan berjumlah **RM128,510,000** bagi tahun 2021 bagi projek-projek seperti *Public Private Partnership / Private Finance Initiative*, program-program pembangunan sosio-ekonomi dan projek pembangunan kemudahan awam di Putrajaya serta Labuan.

PROJEK-PROJEK BERSKALA BESAR WILAYAH PERSEKUTUAN SECARA USAHASAMA:

Request for Proposal (RFP) bagi projek-projek berskala besar di Wilayah Persekutuan iaitu pembinaan Jambatan Labuan-Sabah, Monorel Putrajaya dan Perkampungan Al-Quran (Quranic Village) Putrajaya akan dibuka pada awal tahun 2021 untuk mendapatkan kerjasama strategik daripada organisasi-organisasi swasta. Melalui RFP ini, pihak kerajaan akan dapat meneliti dan memilih keadaan pelaksanaan yang terbaik bagi pelaksanaan projek-projek tersebut tanpa menggunakan peruntukan kerajaan yang tinggi demi kesejahteraan rakyat.

Bagi memastikan komitmen berterusan daripada kerajaan, KWP telah membuat bidaan peruntukan sebanyak RM1.5 billion dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan. Pembangunan ini boleh dilaksanakan samada dengan penglibatan secara langsung oleh kerajaan melalui GLC atau usahasama oleh pemilik tanah dengan pihak swasta atau dimajukan sendiri oleh pemilik dan pewaris tanah. Akta Tanah Kampong Bharu juga telah sedia untuk dibentangkan kepada Kabinet bagi membolehkan rang undang-undang digubal untuk mengawal selia tanah-tanah pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu.

PERUNTUKAN PEMBERIAN KHAS WILAYAH PERSEKUTUAN:

Projek kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan juga turut diperuntukkan di bawah program Peruntukan Pemberian Khas Wilayah Persekutuan yang diteruskan untuk tahun 2021 untuk manfaat rakyat kesejahteraan bandar di Wilayah Persekutuan.

Selain itu, KWP dan agensi juga terus komited meneruskan dan melaksanakan pelbagai program di bawah Inisiatif Wilayah Prihatin (IWP) bagi membantu golongan yang terkesan dan berpendapatan rendah (B40) di Wilayah Persekutuan. Ini termasuklah program kebun komuniti (*urban farming*), program pemantapan jati diri gelandangan, program MYGrocer, MYJob, MYMedic, MYFood dan MYSchoolBus yang akan menggunakan peruntukan Pemberian Khas Wilayah Persekutuan.

PERUNTUKAN DALAMAN AGENSI

Peruntukan perumahan di Wilayah Persekutuan bagi program Residensi@Wilayah khusus untuk Rumah Wilayah Prihatin akan menggunakan peruntukan dalaman KWP dan DBKL serta peruntukan CSR daripada badan-badan korporat, swasta dan NGOs. Bagi perumahan mampu milik terdapat 29 plot di Kuala Lumpur dan 3 di Putrajaya yang telah dikenalpasti akan dilaksanakan secara RFP melalui usahasama dengan pemaju-pemaju berpotensi menggunakan peruntukan dalaman agensi.

Menerusi peruntukan yang diberikan ini juga, Kementerian dan agensi akan terus melaksanakan pelbagai Inisiatif Wilayah Cakna secara berterusan khusus untuk warga Wilayah Persekutuan yang terkesan dengan pandemik COVID-19 demi kelangsungan hidup dan seterusnya dapat membantu rakyat membina sebuah masa depan yang lebih kukuh.

**TAN SRI TPr HJ ANNUAR MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
9 November 2020**

